

**DRAF  
TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**  
**MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN**  
**TEMPATAN, MALAYSIA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PECAH TANAH**  
**PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SERI ISKANDAR, PERAK**  
**PADA 22 OGOS 2016 (ISNIN)**  
**JAM 10.00 PAGI**  
**BERTEMPAT DI TAPAK PROJEK PPR SERI ISKANDAR**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

Yang saya muliakan,  
Saudara Pengacara Majlis,

YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir  
Menteri Besar Perak,

YB. Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique  
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Y.Bhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek  
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan,

YB. Dato' Hajah Rusnah binti Kassim

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Perak

Y.B. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Y.B. Dato' Nasarudin bin Hashim

ADUN Bota

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

YB Datuk-Datuk, YBhg. Datuk-Datuk, Dif-dif Kehormat, pemimpin-pemimpin masyarakat, penduduk-penduduk di kawasan Seri Iskandar, Perak dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati.

Assalamualaikum, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada pagi yang mulia ini bagi menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada

semua yang hadir pada pagi ini di majlis yang amat bermakna terutamanya kepada warga Seri Iskandar, Perak.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

2. Sektor pembinaan perumahan khususnya mempunyai peranan yang sangat penting bagi merealisasikan hasrat Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan hasrat ini, penyediaan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukannya merupakan sebahagian daripada agenda sosial kerajaan bagi menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

3. Justeru, Kerajaan amat serius dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Matlamatnya, tidak lain tidak bukan adalah untuk memperbaiki mutu kehidupan rakyat di setiap pelosok negara dan bagi memastikan tiada seorang pun daripada rakyat negara ini tertinggal daripada menikmati kepesatan arus pembangunan negara.

4. Pembangunan akan menjadi lebih bermakna sekiranya kita berjaya melakukan agihan kemakmuran secara saksama. Pembangunan di sektor perumahan adalah salah satu dari strategi pendekatan ke arah mencapai matlamat mensejahterakan rakyat. Harapan kita, agar rakyat dapat menjalani kehidupan dalam persekitaran perumahan yang harmoni serta dapat menyokong pengwujudan integrasi nasional selaras dengan Wawasan Negara Maju 2020.

5. Menyentuh tentang perumahan, perumahan merupakan sebahagian daripada agenda sosial kerajaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat ke arah mewujudkan masyarakat maju selaras dengan matlamat kerajaan mencapai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melancarkan Dasar Perumahan Negara 2013 - 2017 (5 tahun), bagi memandu, mengurus dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan sektor perumahan ke tahap yang lebih efisien dan sistematik. Tujuan utama dasar ini digubal adalah untuk mewujudkan sektor perumahan yang mampan, cekap dan berdaya saing serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara berasaskan 6 teras utama bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan antaranya:-

- Teras 1: Penyediaan Perumahan yang Mencukupi Mengikut Keperluan Khusus Golongan yang Memerlukannya
- Teras 2: Peningkatan Kualiti dan Produktiviti Pembinaan Perumahan
- Teras 3: Peningkatan Keberkesanan Pelaksanaan dan Memastikan Pematuhan Kepada Sistem Penyampaian Perkhidmatan Berkaitan Perumahan
- Teras 4: Peningkatan Keupayaan Rakyat Bagi Memiliki Rumah Serta Memperbaiki Akses Kepada Penyewaan Rumah
- Teras 5: Pemampanan Sektor Perumahan
- Teras 6: Peningkatan Tahap Kemudahan Sosial, Perkhidmatan Asas dan Persekitaran yang Berdaya Huni (Liveable)

6. Objektif yang berasaskan 6 teras utama Dasar Perumahan Negara ini memberi penekanan dalam membantu semua golongan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah kediaman berkualiti, lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas dan memiliki persekitaran yang berdaya huni serta mampu dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat. Melalui dasar ini juga, pendekatan yang komprehensif telah diperkenalkan untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah yang dibina oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

7. Untuk makluman YAB Dato' Seri Di Raja, dan hadirin sekalian. Pihak KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara telah pun memulakan beberapa siri *engagement* bagi mengkaji semula kandungan dan hala tuju baharu Dasar Perumahan Negara (2018 – 2022). Antara agensi yang terlibat adalah seperti Majlis Professor Negara, Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REDHA), dan berberapa lagi agensi yang berkaitan. Kerajaan berharap Dasar Perumahan Negara (2018 - 2022) yang baharu ini bukan sahaja akan terus membela nasib rakyat dalam memiliki rumah mampu milik, malahan ianya juga akan memacu industri perumahan negara sebagai salah satu pemangkin utama, pembangunan ekonomi negara.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

8. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan pusat dalam membantu merealisasikan hasrat kerajaan dalam menyediakan 1 juta unit Rumah Mampu Milik dalam tempoh 5 tahun (2013 - 2017) dengan penglibatan pelbagai agensi lain seperti Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kerajaan Negeri dan pemaju swasta. Melalui Program seperti Program Perumahan Rakyat (PPR)

dan Skim MyHome, KPKT akan terus merancang dan melaksanakan hasrat kerajaan dalam meningkatkan penawaran rumah mampu milik di pasaran negara. Sehingga kini KPKT telah berjaya menyiapkan, membina dan merancang 82.5% (50,156 unit rumah) daripada sasaran yang telah dipertanggungjawabkan kepada kementerian dan baki 17.5% (10,633 unit rumah) lagi insyallah pihak Kementerian akan teruskan bagi memastikan rakyat berkecukupan dapat memiliki rumah yang mereka idamkan.

9. Untuk makluman, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta atau lebih dikenali sebagai Skim MyHome telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 pada 25 Oktober 2013 lepas. Skim ini merupakan inisiatif kerajaan persekutuan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta untuk membangunkan dan membina lebih banyak rumah mampu milik yang lebih selesa dan kondusif kepada bakal pembeli yang layak untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim MyHome ini menawarkan insentif RM30,000 seunit, di mana ianya memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan juga pemaju-pemaju swasta yang berkecukupan. Kerajaan pada masa ini, telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

10. Di Negeri Perak, pihak Kementerian telah menerima permohonan daripada pihak pemaju untuk melaksanakan 15 projek Skim MyHome daripada 13 pemaju perumahan bagi membina sebanyak 2,852 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, KPKT telah meluluskan, sebanyak 3 projek, melibatkan 3 pemaju perumahan dengan bilangan 325 unit rumah. Untuk makluman hadirin juga, salah satu projek yang telah diluluskan oleh kementerian ialah Projek Skim MyHome Fasa 1 iaitu di Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak yang sedang dalam pembinaan, bersebelahan tapak projek PPR Seri Iskandar ini. Projek Skim MyHome Bandar Universiti Seri Iskandar ini telah dilancarkan pada 8 Ogos 2015 yang lepas meliputi 186 unit rumah teres 1 tingkat dengan harga jualan sebelum ditolak subsidi MyHome antara RM180,000 – RM200,000 seunit . Projek ini sedang di bangunkan oleh Pemaju Agro-Mod Industries Sdn Bhd yang merupakan salah satu anak syarikat dibawah Hua Yang Bhd.

11. Untuk makluman di negeri Perak sahaja, Kementerian telah menerima permohonan pembeli berjumlah 3,498 orang. Sehubungan ini, Kementerian menyeru supaya lebih ramai pemaju perumahan untuk menyertai skim MyHome ini bagi memenuhi permintaan perumahan di Negeri Perak terutamanya di bandar-bandar utama seperti di Seri Iskandar.



Untuk makluman Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian juga,

12. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2016 telah meluluskan cadangan bantuan pembiayaan pemilikan rumah melalui **Kaedah Sewa Untuk Beli (Rent To Own)**. Kaedah Sewa Untuk Beli (Rent To Own) ini akan ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan atau "*unbankable*". Buat masa ini, Kaedah Sewa Untuk Beli (Rent To Own) adalah khusus untuk pembelian rumah PPR Gua Musang, Kelantan (1000 unit), PPR Lembah Subang 2, Selangor ( 1,580 unit), PPR Kampung Hassan, Selangor (300 unit) dan PPR Ladang Silau, Port Dickson (300 unit) dan mana-mana PPR yang akan di putuskan untuk dijual oleh Kementerian. Keputusan ini akan dapat membantu bakal pembeli rumah yang berkecukupan terutamanya bakal pembeli dari golongan berpendapatan rendah termasuk penempatan semula setinggan.

13. Bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) sehingga kini, Kerajaan telah menyiapkan sebanyak 133 projek melibatkan 80,252 unit PPR di seluruh negara. 31 projek (14,592 unit rumah) masih dalam peringkat pembinaan dan 26 projek (8,104 unit rumah) masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

14. Daripada jumlah tersebut kerajaan persekutuan telah menyiapkan 7 projek PPR di Negeri Perak yang meliputi 915 unit rumah iaitu:

- PPR Kampar (29 unit rumah) – Siap 2002 ;
- PPR Sungkai (64 unit rumah) – Siap 2002;
- PPR Batu Gajah (9 unit rumah) – Siap 2003;
- PPR Ipoh – Rumah Pangsa Medan Buntong Permai (112 unit rumah) – Siap 2003;
- PPR Tanjung Malim (45 unit rumah) – Siap 2003;
- PPR Buntong Harmoni (416 unit rumah)- Siap 2004; dan
- PPR Batu Dua Setengah (2 <sup>1/2</sup> ) Taiping (240 unit rumah) – Siap 2014.

15. Ini tidak termasuk 1 projek yang masih dalam peringkat pembinaan iaitu PPR Seri Iskandar yang meliputi 99 unit rumah dan 1 projek lagi iaitu PPR Kamunting yang melibatkan 260 unit rumah yang akan diuruskan pembinaanya tidak lama lagi.

16. Bagi Projek PPR Seri Iskandar, Perak ini telah dibina di atas tapak seluas 10 ekar dengan kos sebanyak RM15.6 juta. Projek ini terdiri daripada 99 unit rumah teres dengan keluasaan 700 kaki persegi termasuk 3 bilik, 2 bilik air, ruang tamu dan ruang dapur dan turut dilengkapi dengan kelengkapan

asas seperti lampu dan kipas. Projek ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berusaha bagi menyediakan kemudahan perumahan yang terbaik untuk setiap lapisan masyarakat terutamanya rakyat berpendapatan rendah dan golongan setinggian terutamanya rakyat di Negeri Perak.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

17. Saya juga ingin mengingatkan kepada bakal penduduk yang akan menerima kemudahan perumahan PPR ini kelak supaya bersama-sama menghargai dan menjaga segala kemudahan yang diberi oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan yang disediakan oleh kerajaan persekutuan dapat digunakan dengan baik dalam jangka masa yang lama. Saya berharap agar bakal penduduk rumah PPR ini sentiasa menjaga keharmonian dan hidup dalam keadaan aman damai serta sejahtera selalu.

YB Dato' dan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

18. Sebelum saya mengundur diri, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir,

Menteri Besar Perak kerana sudi hadir bagi merasmikan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan. Kehadiran YAB Menteri Besar ke majlis ini mencerminkan betapa eratnya kerjasama Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan berkolaborasi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat khususnya di Negeri Perak. Insyallah kerjasama ini dapat diteruskan dalam projek-projek dan program-program yang akan datang antara kedua-dua belah pihak bagi memastikan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

19. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua tetamu kehormat yang lain, ADUN kawasan, Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri, pemimpin-pemimpin masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan yang turut serta menyerikan majlis pada pagi ini.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.